

## **PENELITIAN TERHADAP MODEL j-QAF DAN MASALAH PERLAKSANAANYA DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DI MALAYSIA**

*Nurul Syuhada Johari, Asmawati Suhid & Fathiyah Fakhruddin  
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

### **Abstrak**

Perlaksanaan j-QAF di sekolah-sekolah rendah merupakan cetusan idea daripada mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi semasa lawatan beliau ke Kementerian Pendidikan Malaysia pada 30 Disember 2003. Program j-QAF bertujuan untuk memperkasakan Pendidikan Islam yang sedia ada. Bagi memenuhi hasrat Perdana Menteri untuk melahirkan murid khatam al-Quran pada peringkat sekolah rendah. Maka dibentuk program j-QAF supaya dapat memenuhi hasrat murni tersebut. Perkataan j-QAF singkatan daripada Jawi, al-Quran dan Fardhu 'Ain. Selain itu, terdapat kurikulum dan model pengajaran dan pembelajaran sebagai panduan kepada guru j-QAF. Kementerian Pelajaran diberi tanggungjawab untuk memastikan perjalanan program ini dan secara khususnya diuruskan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. Penulisan kertas kerja ini tertumpu kepada penilaian modul j-QAF serta masalah perlaksanaannya. Model yang dinilai ialah Model Pemulihan Jawi, Model khatam al-Quran, Model Bahasa Arab Komunikasi dan Model Kem Bestari Solat. Selain itu, penulisan ini turut membincangkan masalah yang terdapat dalam pelaksanaan j-QAF di sekolah rendah.

Kata kunci : Model j-QAF, Pendidikan Islam, Penelitian Model j-QAF

### **Pengenalan**

J-QAF merupakan satu hasil cetusan idea oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi semasa lawatan ke Kementerian Pendidikan Malaysia pada 30 Disember 2003. Perlaksanaan j-QAF ini telah diperhalusi dalam seminar j-QAF pada 3 hingga 5 Mac 2004 sebagaimana yang telah dilaporkan oleh Dangiran Haji Mustafa dalam buku bertajuk Pelaksanaan Pendidikan Islam Ke arah Pembentukan Masyarakat Hadhari dalam tajuk Pendidikan Islam Dan Pendidikan Bahasa Arab Berteraskan Pendekatan Islam Hadhari.

Realiti semasa menunjukkan bahawa umat Islam pada masa kini memiliki penguasaan bacaan al-Quran yang agak lemah (M. Asrara Sidon & Badlihisam Mohd Nasir, 2012). Oleh itu, j-QAF diterapkan dalam silibus Pendidikan Islam di sekolah Rendah. Antara perkara khusus yang ditekankan adalah untuk meningkatkan penguasaan al-Quran disamping penguasaan dalam Fardhu 'Ain, jawi dan bahasa Arab. Bagi menyeragamkan penggunaan sukatan pelajaran, maka Buku Panduan Perlaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan kokurikulum j-QAF telah dihasilkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Buku Panduan Pengurusan Program j-QAF, 2006). Selain itu, tenaga guru yang digunakan dalam program ini mesti mendapat latihan kemahiran terlebih dahulu di maktab-maktab perguruan di bawah Latihan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan Mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) j-QAF.

Secara umumnya, program j-QAF menekankan kepada konsep pengajaran berbentuk amali. Ia bertujuan supaya murid dapat memahami, menghayati dan mempratikkan apa yang telah dipelajari dalam kehidupan seharian. Ia juga selaras harapan murni Perdana Menteri untuk melahirkan murid yang khatam al-Quran (Ghazali Darusalam, 2007). Malah, program j-QAF dilihat sebagai satu wadah untuk memperkasa pengajaran dan pembelajaran berbentuk amali di peringkat rendah dalam usaha menjadikan agama sehati dalam kehidupan mereka (Asmawati Suhid & Lukman Abdul Mutalib, 2009). Perkara yang pertama diterapkan iaitu menguasai bacaan dan tulisan jawi, kedua, murid dapat khatam al-Quran, ketiga, murid dapat menguasai asas Bahasa Arab, dan terakhir untuk memantapkan dan menghayati amalan-amalan Fardhu 'Ain (Ghazali Darusalam, 2007). Manakala dalam pemilihan guru-guru, hanya yang memiliki ijazah dalam aliran Pengajian Islam; al-Quran dan bahasa Arab mempunyai kelayakan untuk memohon sebagai guru j-QAF. Tugas guru j-QAF ini untuk membantu guru Pendidikan Islam dalam memperkasakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Malaysia ( M. Asrara Sidon et.al, 2012).



### **Isi Kandungan Model Pengajaran Dan Pembelajaran**

Bahagian Pendidikan Islam dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di tugaskan menggubal Model pengajaran dan pembelajaran j-QAF. Ia memberi tumpuan khusus kepada sukatan Pendidikan Islam KBSR. Mengikut Buku Panduan Pelaksanaan Model pengajaran dan pembelajaran dan Kokurikulum j-QAF Tahun Satu (2006) antara objektif yang digariskan ialah murid dapat mengenal, menyebut dan menulis Jawi tunggal, Jawi sambung, suku kata terbuka dan suku kata tertutup bagi Model Kelas Pemulihan Jawi. Bagi objektif khatam al-Quran murid dapat membaca mengikut makhraj, bertajwid, lancar dan fasih dan khatam di peringkat sekolah rendah. Seterusnya objektif Model Bahasa Arab Komunikasi supaya murid dapat mendengar menyebut, bertutur, membaca dan menulis dengan betul dalam bahasa Arab. Objektif Kem Bestari Solat murid dapat mengetahui cara-cara berwuduk dan mengetahui perbuatan solat dengan betul. Antara Model yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran j-QAF ialah:

#### **Model Kelas Pemulihan Jawi**

Mata pelajaran Jawi termasuk dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan Negara ( Bahagian Pendidikan Islam, 2004). Menurut Ahmad Faisal Abdul Hamid & Noralina Abdullah (2009) Jawi merupakan salah satu komponen Pendidikan Islam dengan peruntukan pengajaran 2 waktu seminggu pada 6 bulan pertama. Namun begitu, sebagai contoh kajian yang dijalankan telah menunjukkan penguasaan Jawi masih pada tahap yang tidak memuaskan (Nik Rosila Nik Yaacob, 2007). Ahmad Faisal *et.al* (2009) juga berpendapat walaupun telah mengikuti pembelajaran dalam Pendidikan Islam namun penguasaan Jawi oleh murid masih pada tahap yang sederhana. Justeru itu, program j-QAF diwujudkan untuk menyelesaikan permasalahan ini menerusi Model Kelas Pemulihan Jawi. Model Kelas Pemulihan Jawi ini dijalankan kepada bilangan murid yang kecil untuk memberi fokus supaya mereka dapat menguasai kemahiran mengenal, membaca dan menulis dengan sempurna ( Bahagian Pendidikan Islam, 2004).

#### **Model Tasmik al-Quran**

Model Tasmik al-Quran merupakan program yang bertujuan untuk membimbing dan merekodkan perkembangan Iqra' dan bacaan al-Quran secara individu (Bahagian Pendidikan Islam Dan Moral, 2004). Hal ini bertujuan untuk membolehkan murid membaca al-Quran semasa berada di sekolah rendah. Model Tasmik al-Quran ini dijalankan dengan menggunakan jadual di luar waktu persekolahan dan berdasarkan kepada objektif panduan pelaksanaan program khatam al-Quran. Pelaksanaan model ini bertujuan agar murid dapat membaca al-Quran berserta tajwid dan mengkhatam 30 juzuk. Ia disokong oleh Mohd Aderi che Noh & Rohani Ahmad Termizi,(2009) telah melaporkan prestasi murid ketika membaca dan menghafaz al-Quran dengan baik dan fasih. Bagi murid yang masih tidak dapat menguasai Iqra' dan bacaan al-Quran perlu diberi bimbingan secara berterusan menggunakan kaedah dan aktiviti yang sesuai seperti Kem Literasi al-Quran, kelas tambahan dan sebagainya. Guru-guru j-QAF perlu menilai seminggu sekali dalam Buku Rekod Bacaan murid-murid untuk melihat perkembangan bacaan murid.

#### **Model 6 Bulan Khatam Al-Quran**

Model Khatam al-Quran menekankan keupayaan murid untuk Khatam al-Quran pada 6 bulan pertama sebagaimana yang dilaporkan oleh Halim Na'am (2005) dalam kajian Mohd Aderi Che Noh *et.al* (2009). Program Khatam al-Qur'an Model 6 Bulan untuk mencapai objektif agar murid menguasai, membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid sehingga mengkhatam 30 juzuk sebagaimana terkandung dalam Buku Panduan Program Khatam al-Qur'an Model Tasmik. Model 6 Bulan khatam al-Quran dilaksanakan mengikut model yang telah ditetapkan dengan menggunakan peruntukan waktu pembelajaran Pendidikan Islam yang sedia ada. Manakala menurut Mohd Aderi Che Noh (2011) pendekatan *talaqqi* dan *musyafahah* sesuai digunakan dalam model ini. Pendekatan ini memerlukan guru membaca al-Quran dan selepas itu murid akan membaca dihadapan guru. Jadi bagi murid yang mula-mula mengenali al-Quran akan digunakan dengan kaedah Iqra' manakala bagi yang sudah menguasai Iqra' akan diteruskan Model Khatam al-Quran (Bahagian Pendidikan Islam, 2004).



### **Model Bahasa Arab Komunikasi**

Program j-QAF turut memperkenalkan pengajaran Bahasa Arab dengan melaksanakan model Bahasa Arab di seluruh sekolah rendah. Perlaksanaannya berdasarkan kepada peruntukan masa sedia ada dalam jadual waktu iaitu 2 waktu seminggu. Sebagaimana yang dinyatakan dalam surat pekeliling Ikhtisas Bil. 13/2004: Pelaksanaan Program j-QAF di Sekolah Rendah (KP(85)8591/Jld.XVII(13) bertarikh 30 Disember 2004). Surat Pekeliling Ikhtisas bermatlamat untuk menarik minat murid untuk mempelajari dan menguasai Bahasa Arab ( Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2004).

### **Model Kem Bestari Solat**

Menurut Asmawati Suhid *et.al* (2009) Kem Bestari Solat dalam program j-QAF bertujuan untuk mendidik dan menggalakkan murid melakukan solat 5 kali sehari. Modul Bestari Solat menggunakan aktiviti latih tubi di luar waktu persekolahan sama ada di dalam atau diluar kawasan sekolah untuk memastikan setiap murid melaksanakan solat dengan sempurna daripada rukun solat aitut fe'liyyah, qauliyyah dan qalbiyyah (Bahagian Pendidikan Islam, 2004). Sebagai contoh pengisian yang terdapat dalam Kem Bestari Solat seperti latihan mengambil wuduk, amali solat dan pelaksanaan solat berjemaah (Noor Azimah Surip, Ab. Halim Tamuri, 2012). Pendekatan amali solat dapat memberi penerangan dengan lebih jelas bagaimana solat dilakukan dengan cara yang betul (Asmawati Suhid *et.al* 2009). Melalui pendekatan amali juga murid boleh meniru tingkah laku solat guru yang sempurna dan betul (Rohana Mohd Atan & Shaharom Noordin, 2008). Ini menunjukkan pembaharuan untuk memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran.

### **Penelitian Terhadap Modul J-Qaf**

Modul-modul pengajaran j-QAF meliputi semua skop dalam Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah. j-QAF diperkenalkan secara percubaan dengan projek rintis di 36 buah sekolah di seluruh Negara. Projek ini berakhir pada Julai 2004 selama 3 bulan oleh Dangiran Haji Mustafa bertajuk pelaksanaan Pendidikan Islam kearah pembentukan masyarakat hadhari dalam buku Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab berteraskan pendekatan islam hadhari.

Modul j-QAF ini bertujuan untuk membolehkan murid memahami serta memahirkan bacaan al-Quran dengan lebih berkesan dipetik daripada Dato' Seri Hishammudin Tun Hussien dalam Rafidah Muhamad Noor (2009). Selain itu, j-QAF juga memberi penekanan terhadap kemahiran jawi, Bahasa Arab Dan Fadhul 'Ain. Al-Quran adalah sumber pendidikan yang paling utama sebagai formula kecemerlangan paling berkesan daripada tuntunan akidah yang seimbang dunia dan akhirat.

Jawi termasuk dalam program j-QAF, buku teks Pendidikan Islam yang dahulu ditulis dalam tulisan jawi. Tulisan jawi adalah asas daripada pengubahsuaian dan penambahan daripada huruf-huruf arab bagi memudahkan pengajaran dan pembelajaran untuk masyarakat melayu. Jadi tulisan jawi adalah medium asas untuk pengajaran dan pembelajaran dalam Pendidikan Islam (Rosila *et al.*, 2007)

Bahasa Arab Komunikasi sebahagian daripada model dalam program j-QAF. Kaedah yang sesuai perlu digunakan supaya murid minat untuk mempelajari Bahasa Arab. Jadi terdapat permasalahan berkaitan dengan kaedah yang digunakan oleh guru semasa mengajar Bahasa Arab. Hal ini kerana masih tidak dapat membantu murid dalam memahami Bahasa Arab. Sebagaimana yang dilaporkan oleh Siti Fatimah Ahmad & Abd Halim Tamuri (2010) bahawa Bahasa Arab menghadapi masalah berkaitan dengan penggunaan BBM di sekolah kerana ia merupakan bahasa asing dan memerlukan tenaga guru yang mahir dalam bidang tersebut.

### **MASALAH PERLAKSANAAN j-QAF**

#### **Kem Bestari Solat**

Perlaksanaan Kem Bestari Solat diperuntukkan diluar waktu persekolahan yang mana perlu dilaksanakan empat kali setahun kepada setiap murid. Kajian oleh Noor Azimah surip *et.al*, (2012) mendapati ramai guru yang bersetuju Kem Bestari Solat perlu dikekalkan dengan menunjukkan min yang dicatatkan sebanyak (4.03). Kem Bestari Solat boleh dilaksanakan sama



ada separuh hari atau dua hari bergantung kepada pihak sekolah. Pihak sekolah perlu memastikan semua LDK mesti dilaksanakan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dalam model ini (Asmawati Suhid, 2009). Antara model yang dilaksanakan dalam Kem Bestari Solat ialah latihan tubi sebagai contoh latihan mengambil wuduk, amali wuduk, latihan solat berjemaah, Dapatan kajian menunjukkan bahawa tindakan guru memerhati perilaku solat murid mencatat peraturan yang agak tinggi iaitu 97.7%. (Asmawati Suhid *et.al*, 2009). Pemerhatian guru terhadap tingkah laku murid dalam dalam Kem Bestari Solat dapat memastikan murid melaksanakan solat dengan sempurna daripada *fe'liyyah, qauliyyah dan juga qalbiyyah* (Noor Azimah surip *et.al*, 2012).

Masalah yang dapat dilihat dalam pelaksanaan Kem Bestari Solat ialah guru kurang menyediakan BBM yang sesuai dan cukup setiap kali KBS dijalankan iaitu min yang dicatatkan Min=3.97 dengan julat min 0.0 hingga 5.00. Kajian ini disokong Siti Fatimah Ahmad *et.al* (2010) menyatakan perlu dilakukan perubahan sistem pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah dan teknik teknologi dalam cabaran yang perlu dihadapi dan ditangani era kini. Disamping itu, faktor penglibatan ibu-bapa ahli jawatankuasa masjid dan setempat turut mengganggu kelancaran pelaksanaan Kem Bestari Solat dengan menunjukkan skala min yang kecil. Penduduk setempat tidak dapat memberi kerjasama yang baik semasa dilaksanakan Kem Bestari Solat terutama di masjid.

### **Model Khatam al-Quran**

Dapatan kajian Raihan (2000), Ramlan (2000), Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (2000), Farehan (2000), Mohd Aderi (2004) yang telah dilaporkan dalam Mohd Aderi Che Noh *et.al* (2009) Khatam al-Quran antara matlamat dalam penubuhan program j-QAF bagi mengatasi kelemahan murid yang bermasalah dalam menguasai pembacaan al-Quran. Seterusnya berkaitan dengan Model Khatam al-Quran dilaksanakan dengan harapan semua murid dapat khatam al-Quran di peringkat sekolah rendah lagi ( Mohd Aderi Che Noh *et.al*. 2009). Permasalahan yang timbul ialah kekurangan masa. Hal ini kerana terdapat segelintir guru Pendidikan Islam tidak pandai menggunakan tempoh masa yang diperuntukkan dalam pengajaran tilawah al-Quran. Mereka masih tidak dapat menghabiskan silibus pengajaran dan pembelajaran dengan baik ( Mohd Aderi Che Noh *et.al*, 2009).

Selain daripada itu, Mohd Aderi Che Noh *et.al* ( 2009) turut melaporkan bahawa amalan pengajaran tilawah al-Quran berada pada tahap yang sederhana. Menurut persepsi murid sebanyak 26 (1.6%) berada pada tahap rendah, 1242 (75.2%) pula berada pada tahap sederhana dan skor min yang paling tinggi 383 (23.2%). Hal ini menunjukkan skor min sederhana ialah daripada amalan pengajaran tilawah al-Quran ( Skor Min=3.338). Ia disokong oleh kajian Mohd Aderi Che Noh (2011) yang mana masih ramai guru yang tidak berkemampuan untuk mengajar Taranum dengan betul.

### **Kesimpulan**

Kementerian Pelajaran Malaysia mengharapkan agar semua individu dapat memahami hasrat serta matlamat program j-QAF antaranya untuk memperkasakan Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan (Noor Azimah Surip *et.al*, 2012). Selain itu, ia juga berfungsi sebagai tunggak untuk memantapkan Pendidikan Islam. Langkah yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dengan pembentukan kurikulum baru di sekolah. Perubahan itu dipanggil KSSR lebih kepada praktikal sesuai dengan pelaksanaan program j-QAF yang menerapkan amali contohnya Khatam al-Quran, Jawi, Bahasa Arab, Kem Bestari Solat. Modul Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab mempunyai peranan penting dalam pembentukan j-QAF. Oleh itu, guru-guru j-QAF yang terlatih dan yang sedang menjalani latihan perguruan perlu memahami tanggungjawab serta peranan masing-masing dalam mendidik anak bangsa untuk berakhlak mulia.

### **RUJUKAN**

Asmawati Suhid & Lukman Abdul Mutalib (2009). Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Kem Bestari Solat. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 15–28.



- Bahagian kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). Buku Panduan pelaksanaan model-model pengajaran dan pembelajaran dan kokurikulum j-QAF tahun 1.
- Ghazali Darusalam (2007). Pelaksanaan Program j-QAF Mengikut Persepsi Pensyarah dan Pelajar. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Institusi Perguruan Islam, Jilid 10*, 18–25. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral 2004.
- Mohd Aderi Che Noh & Tarmizi, R. A. (2009). Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran ( Students ' Perception Toward Teaching Tilawah Al-Quran ). *Jurnal Pendidikan Malaysia 34(1)(2009): 93 - 109*, 34(1), 93–109.
- Mohd Aderi bin Che Noh. (2011). Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran di Malaysia : Satu Analisis. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 47–58.
- Nik Rosila Nik Yaacob (2007). Penguasaan Jawi Dan Hubungannya Dengan Minat. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 161–172.
- Noor Azimah Surip, Abdul Halim Tamuri (2012). Penilaian Pelaksanaan Kem Bestari Solat Program j-QAF di Sekolah Rendah. Kajian di daerah Kuala Selangor. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidik.
- Rohana Mohd Atan & Shaharom Noordin. (2008). Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains Dan Matematik Hubungan Antara Amalan Kerja Amali Dengan Pencapaian Pelajar Tingkatan Empat Dalam Daya. *Hubungan Antara Amalan Kerja Amali Dengan Pencapaian Pelajar Tingkatan Empat Dalam Tajuk Daya* (pp. 1–10).
- Siti Fatimah Ahmad & Abd Halim Tamuri. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53–64.

